

## Biodata Penulis



### Tho Lai Hoong

---

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian serta pendidikan dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1981. Bidang pengkhususan beliau di universiti termasuklah Fizik, Matematik, Geofizik dan Geologi. Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama 18 tahun dan menulis buku Sains sejak tahun 1988. Beliau merupakan penulis buku teks di Malaysia sejak tahun 1991 dan buku teks di Singapura sejak tahun 1997. Beliau juga menulis buku teks antarabangsa yang digunakan di sekolah awam dan sekolah antarabangsa di Trinidad and Tobago, Jordan dan Pakistan. Berdasarkan maklumat di laman sesawang *OCLC World Cat\* Identities*, beliau telah menulis 40 siri terbitan dan 83 buku teks atau rujukan dalam dua bahasa. Buku-buku tersebut dalam simpanan di 109 buah perpustakaan di seluruh dunia. Kini, beliau merupakan seorang penulis sepenuh masa dan pereka bahan multimedia bagi pengajaran dan pembelajaran Sains dalam abad ke-21 dengan ciri istimewa seperti *STEM*, *Theory of Knowledge*, *International-mindedness*, *Nature of Science* dan sebagainya.



### Che Ahamad bin Daud

---

Memperoleh Sijil Perguruan dari Maktab Perguruan Kinta Ipoh pada tahun 1984 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains (Biologi) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2002. Beliau mendapat Anugerah Pingat Emas Canselor UPSI pada tahun 2002. Beliau juga memenangi Anugerah Johan Guru Inovatif Negeri Kedah pada tahun 2012 dan mendapat Naib Johan di peringkat kebangsaan. Beliau mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Sains selama 30 tahun dan merupakan Guru Cemerlang Sains sejak tahun 2009. Kini, beliau bertugas di Kolej Vokasional Kulim, Kedah.